

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kos yang terlibat dan tarikh jangkaan siap bagi projek sistem pembentungan dan rasionalisasi loji rawatan kumbahan oleh KETTHA di sekitar Jalan Gasing dan Jalan Templer di Petaling Jaya.

## **JAWAPAN**

Projek penyusunan semula sistem pembedungan di kawasan sekitar Jalan Gasing dan Jalan Templer, Petaling Jaya merupakan sebahagian dari kerja kerja di bawah Pakej D48: Cadangan Pembinaan Rangkaian Paip Pembedungan Di Kawasan Jalan Klang Lama, Petaling Jaya Dan Seputeh (Selatan), Kuala Lumpur. Kos untuk keseluruhan Pakej D48 ini adalah sebanyak RM 139,800,000.00 dan dijangka siap sepenuhnya pada 22 April 2017.

\*\*\*\*\*